



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

Selaras dengan peruntukan Seksyen 3 Akta Perubatan 1971, Majlis Perubatan Malaysia mempelawa permohonan daripada warganegara Malaysia yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perubatan Malaysia. Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut:

JAWATAN	:	KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GRED UTAMA C (TERBUKA)
AGENSI	:	MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN TERTINGGI
TARAF JAWATAN	:	PEMINJAMAN/ KONTRAK
GRED	:	GRED UTAMA C (TERBUKA) (VU7)
BILANGAN KEKOSONGAN	:	SATU (1)

JADUAL GAJI	:	<table><tr><th>Gaji Minimum</th><th>Gaji Maksimum</th><th>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</th></tr><tr><td>RM 7,990.00</td><td>RM 22,040.00</td><td>9%</td></tr></table>	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM 7,990.00	RM 22,040.00	9%
Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan						
RM 7,990.00	RM 22,040.00	9%						

ELAUN DAN KEMUDAHAN	:	KADAR BAYARAN ELAUN DAN KEMUDAHAN ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERATURAN DAN PEKELILING SEMASA YANG SEDANG BERKUAT KUASA.
----------------------------	----------	---

1. SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN:

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia.
- Berumur sekurang-kurangnya 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

- c) Memiliki kelayakan:
- i. Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - ii. Memiliki Kepujian (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - iii. Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia sebagai Pengamal Perubatan.
- d) Mempunyai tempoh pengalaman kerja/ perkhidmatan kerja **sekurang-kurangnya 15 tahun** dalam bidang ilmu perubatan dan bidang yang diperlukan Majlis Perubatan Malaysia.
- e) Memahami fungsi tugas Majlis Perubatan Malaysia dan prosedur Kerajaan/ agensi.
- f) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib, tiada rekod jenayah dan bebas daripada sebarang rekod siasatan rasmi.
- g) Mempunyai keperibadian dan akhlak yang baik.
- h) Mempunyai tahap kesihatan yang baik.
- i) Berkebolehan bertutur dengan fasih dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.
- j) Mempunyai kemahiran merancang dan mengurus serta berupaya membina kepercayaan dan kredibiliti dengan pihak berkepentingan.
- k) Mempunyai tahap kepimpinan yang baik dan berkemahiran dalam pengurusan serta pentadbiran.

2. TEMPOH LANTIKAN

Pelantikan adalah selama empat (4) tahun (pelantikan awal dua (2) tahun pertama, kemudian boleh disambung selama dua (2) tahun lagi bergantung kepada prestasi dan keperluan Majlis Perubatan Malaysia).

3. INDIVIDU YANG BERMINAT HENDAKLAH MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BERIKUT:

a) PERMOHONAN SECARA PEMINJAMAN DALAM KALANGAN PEGAWAI AGENSI AWAM YANG LAIN.

- i. Terbuka kepada mana-mana pegawai yang sedang berkhidmat dalam agensi Kerajaan dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dinyatakan serta berdasarkan Ceraian UP.1.2.1 - Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM).

b) PERMOHONAN SECARA KONTRAK DALAM KALANGAN PESARA KERAJAAN ATAU BUKAN PEGAWAI AWAM.

- i. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman yang relevan dalam pentadbiran organisasi.

4. FUNGSI BIDANG TUGAS

Tugas dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 4C Akta Perubatan 1971:

- a) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha Majlis dan bertanggungjawab bagi:
 - i. Keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal harian Majlis.
 - ii. Pelaksanaan keputusan dan arahan Majlis.
 - iii. Pengurusan fungsi, program, pekerja dan semua sumber lain Majlis; dan
 - iv. Penyediaan pelan strategik dan bajet untuk pertimbangan Majlis.
- b) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Majlis.
- c) Dalam menjalankan kewajibannya di bawah seksyen ini, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Majlis.

5. CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh dimuat turun secara dalam talian melalui Portal Rasmi Majlis Perubatan Malaysia di [sini](#).
- b) Permohonan ini terbuka kepada pegawai perubatan dari sektor awam dan swasta, sama ada yang masih dalam perkhidmatan atau telah bersara.
- c) Borang permohonan yang lengkap disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:
 - i. Satu (1) keping gambar terkini berukuran pasport.
 - ii. Salinan Kad Pengenalan (MyKad).
 - iii. Resume ringkas yang terkini, tidak melebihi dua (2) muka surat, yang menyenaraikan pengalaman kerjaya dan pencapaian.
 - iv. Salinan Kelulusan Akademik yang berkenaan.
 - v. Dua (2) laporan *referee* hendaklah disediakan menggunakan borang yang disediakan di [sini](#).
 - vi. Melengkapkan Borang Pengisytiharan Kesihatan dan Integriti menggunakan borang yang disediakan di [sini](#).
- d) Manakala calon yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia hendaklah mengemukakan dokumen yang sama seperti di perenggan 5(c) dan mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dokumen-dokumen tambahan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut:
 - i. Satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan.
 - ii. Satu (1) salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (3 tahun terkini).
- e) Kesemua salinan dokumen tersebut hendaklah ditandatangani dan diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 dan ke atas).
- f) Semua permohonan yang lengkap diisi, bersama dengan dokumen yang diperlukan, hendaklah dikemukakan kepada:

**PRESIDEN
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK D, JALAN CENDERASARI,
50590 KUALA LUMPUR
Up: Unit Sumber Manusia**

- g) Tuliskan **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON** di sebelah atas kiri sampul surat dengan **HURUF BESAR**.

6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Julai 2025 (Khamis)**. Permohonan yang lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

7. TEMUDUGA

Hanya permohonan yang lengkap akan dipanggil menghadiri temu duga. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pegawai Cawangan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan melalui saluran berikut:

Puan Nordina Torji Binti Nordin / Puan Norsalawati binti Yusof
(nordinatorji@mmc.gov.my / norsalawati@mmc.gov.my / 03-2691 2171)